

**IMEJ ANTHROPOMORPHIC DALAM GUA KAIN HITAM  
(PAINTED CAVE) SARAWAK**  
**ANTHROPOMORPHIC IMAGES IN THE PAINTED CAVE SARAWAK**

**Junior Kimwah<sup>1\*</sup>**  
**Baharudin Mohd Arus<sup>2</sup>**

*<sup>1&2</sup>Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah,*

*Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

*juniorkimwah@gmail.com; baharudin@ums.edu.my*

*Tarikh dihantar: 25 November 2020 / Tarikh diterima: 26 April 2021*

**ABSTRAK**

Artikel ini membincangkan imej figuratif yang terdapat di dalam Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) Niah, Sarawak. Beberapa imej figuratif ini dihasilkan dengan gaya dan bentuk yang dinamik. Namun, posisi rupa imej yang amat dominan adalah kedudukan tangan dan kaki terbuka. Imej ini membawa mesej tertentu dan mempunyai hubung kait dengan cara hidup dan kepercayaan masyarakat prasejarah pada ketika itu. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini menjelaskan reka bentuk dan menganalisis makna yang terkandung dalam imej. Penulis menggunakan Teori Ikonografi dalam usaha menganalisis imej prasejarah ini.

**Kata kunci:** Gua Kain Hitam (*Painted Cave*), ritual kematian, imej *anthropomorphic*.

**ABSTRACT**

*This article discusses the figurative images found in the Painted Cave of Niah, Sarawak. Some of these figurative images are created with dynamic styles and shapes. However, the most dominant image appearance position is the open hand and foot position. These images carry a specific message and have a correlation with the way of life and beliefs of prehistoric societies at the time. Therefore, this paper explains the design and analyzes the meanings contained in the images. The author uses Iconographic theory in an effort to analyze these prehistoric images.*

**Keywords:** *Painted Cave, death ritual, anthropomorphic image.*

## PENGENALAN

Penemuan imej prasejarah di beberapa gua di dunia telah memberi ruang kepada para penyelidik untuk memerhati dan menghayati keindahan kerja tangan yang telah dihasilkan oleh masyarakat prasejarah. Lukisan gua prasejarah di Gua Lascaux, Perancis dan gua di Altamira, Sepanyol membuktikan wujudnya kebudayaan dan kearifan masyarakat dahulu dalam menghasilkan lukisan menggunakan bahan semula jadi. Setiap imej yang dilukis adalah rekod yang harus diteliti dan dikaji dalam usaha mengenal pasti kebudayaan mereka ketika itu. Di Malaysia, beberapa tapak lukisan gua telah ditemui oleh penyelidik terdahulu. Penyelidikan ini berusaha membincangkan sebuah tapak gua bersejarah di negeri Sarawak.

Keindahan lukisan prasejarah jelas memperlihatkan kewujudan unsur budaya serta tahap intelektualisme masyarakat primitif pada zaman silam. Keunikannya bukan sekadar terletak pada nilai estetika dan kehalusan imejan tetapi pada falsafah yang tersirat di sebaliknya. Lukisan zaman ini adalah bukti yang menjelaskan bahawa manusia pada ketika itu sudah mulai hidup bertamadun dan bersosial. Kehidupan tersebut jelas didokumentasikan dalam lukisan yang dihasilkan. Lantas, lukisan zaman Neolitik adalah satu bukti kukuh gambaran yang wujud 35,000 tahun Sebelum Masihi.

Lukisan prasejarah merupakan suatu fenomena penting dalam dunia seni lukisan moden pada hari ini. Penggiat seni adalah digalakkan untuk memahami sejarah seni dan perkembangannya kerana isu kesedaran terhadap pensejarahan seni dapat menentukan arah masa depan seni catan moden di Malaysia.



**Rajah 1** Peta lokasi kawasan kajian

Rajah 1 menunjukkan siling di Gua Kain Hitam (*Painted Cave*), iaitu berbentuk submendatar dan rata dengan sedikit pembentukan stalaktit. Beberapa stalaktit dan stalagmit boleh dilihat di siling dan lantai yang telah terbentuk sepanjang retakan terutamanya di sekitar pintu masuk kedua. Kebanyakan stalaktit yang tidak teratur bergantung secara lurus ke bawah. Bentuk kejadian ini amat ketara berhampiran pintu masuk utara seperti bentuk condong ke bahagian luar gua. Pembentukan stalaktit yang terletak di bahagian tengah gua, bersudut ke arah pintu masuk selatan di bahagian atasnya dan kemudian menegak di bahagian bawahnya.


Dalam menghayati karya-karya ini, penyelidik memusatkan penulisan kepada subjek yang telah menjadi ilham lukisan gua dan mengupas tafsiran dan makna subjek berkenaan. Penyelidik berusaha untuk memahami dan mendalami setiap aspek subjek dan membuat andaian dan rumusan makna sesebuah karya tersebut. Dalam sesetengah kes, di mana tapak-tapak prasejarah adalah besar dan dikenali ramai, maka ia tidak memerlukan kaedah interpretasi yang mendalam. Interpretasi merupakan satu *value added* dan membawa faedah yang besar kepada sesebuah tapak peninggalan.

### Gua Kain Hitam (*Painted Cave*)

Penyelidikan ini berfokuskan kepada lukisan gua yang terdapat di dalam Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) Niah, bahagian Miri di negeri Sarawak sahaja. Aktiviti untuk merekodkan dan catatan teliti dilakukan hanya di sekitar lukisan gua sepanjang 50 meter tersebut. Hal ini bertujuan untuk membataskan aktiviti dokumentasi tapak agar penyelidikan ini lebih terarah dan berfokus. Penyelidikan ini juga lebih berorientasikan kaedah penyelidikan dalam bidang seni visual dan bukan arkeologi. Hal ini demikian kerana arkeologi mengkaji kerja-kerja manusia, artifak-artifak serta tempat-tempat kegiatan mereka dan bukan manusia itu sendiri (Syakila Yaakob, 1990: 5). Fokus penyelidikan adalah jelas dan memudahkan kerja dilakukan dengan tertib serta mempunyai haluan yang nyata.

Gua Niah terletak di daerah Miri di Sarawak dan menjadi sebahagian dari Taman Negara Niah di Sarawak. Formasi gua yang besar ini terletak dalam formasi blok kapur yang besar, sekitar satu kilometer panjang, berorientasi ke arah utara-selatan dalam sekitar setengah kilometer lebar. Gua ini mempunyai tapak-tapak prasejarah penting di mana tinggalan tengkorak manusia berusia 40,000 tahun telah ditemui. Tapak ini adalah penempatan tertua manusia seperti yang tercatat di Malaysia Timur.

*Painted Cave* atau Gua Kain Hitam, terletak kira-kira 500 meter dari Gua Niah di blok hujung timur selatan, mempunyai lukisan gua prasejarah dipercayai berusia lebih daripada 3,000 tahun. Lukisan ini dipercayai dihasilkan menggunakan bahan hematit. Penyelidikan pertama dilakukan oleh Tom Harrisson pada tahun 1950 melaporkan bahawa aktiviti lengkap pengebumian manusia terlipat dan duduk telah ditemui di gua ini sejak 20,000BP (Tom Harrisson, 1957: 134-136).



Rajah 2 Peta lokasi kawasan kajian

### Imejan *Anthropomorphic*

Imej *anthropomorphic* adalah paling dominan daripada keseluruhan lukisan gua. Terdapat lebih 40 jenis imej *anthropomorphic* dikumpulkan secara individu. Berikut adalah beberapa imej *anthropomorphic* yang telah dikenal pasti berdasarkan ciri-ciri fizikal reka bentuk tubuh yang lengkap dengan kepala, tangan dan kaki yang sempurna.

Dorongan para artis prasejarah untuk menghasilkan lukisan gua ini ialah dengan memahami asal usul mitos dan agama. Penyelidikan ini berusaha untuk menghargai apa yang dilalui oleh manusia masa lalu demi pemahaman generasi kini. Lebih-lebih lagi, lukisan gua memperluaskan pemahaman kita terhadap pemikiran, kreativiti dan mitos pada masa lepas.



(i) Lukisan gua



(ii) Ilustrasi imej

### Rajah 3 Imej anthropomorphic

Rajah 3(i) Menampilkan bentuk figura dengan hiasan kepala yang berbentuk seperti helaian bulu haiwan atau helaian daun. Figura dibentuk secara statik dengan tangan dan kaki dalam keadaan terbuka. Ilustrasi Rajah 3 (ii) menunjukkan figura yang dilukis dengan postur tubuh secara tidak simetri dan dalam penuh gaya. Struktur tubuh yang tidak seimbang dan juga posisi anggota badan yang statik memberi gambaran unik terhadap perlakuan mereka dalam situasi yang digambarkan oleh pelukis prasejarah. Figura bersaiz besar ini dihiasi dengan *headgear* atau hiasan kepala.



(i) Lukisan Gua



### (ii) Ilustrasi Imej

#### Rajah 4 Imej *Anthropomorphic*

Rajah 4 (i) menunjukkan beberapa imej figura dengan postur melompat. Imej figura terbesar dengan hiasan pada kepala menunjukkan figura tersebut adalah watak utama dalam penceritaan lukisan tersebut. Dua imej figura lain dihasilkan dengan gaya yang sama tetapi memiliki anggota tubuh yang tidak

lengkap. Dalam ilustrasi Rajah 4 (ii) menampilkan struktur tubuh yang tidak seimbang dan juga posisi anggota badan yang dinamik. Ketiga-tiga imej figura ini memiliki anggota tangan yang panjang dan dalam posisi tangan diangkat ke atas.



(i) Lukisan gua



(ii) Ilustrasi imej

### Rajah 5 Imej *anthropomorphic*

Lukisan pada Rajah 5 (i), berbentuk hiasan kepala yang bervariasi yang digambarkan seperti menggunakan bulu burung dan objek unik yang diikat di kepala malah, imej seolah-olah hiasan seperti orang Minangkabau di Sumatera. Hiasan seperti ini adalah antara identiti masyarakat peribumi Sarawak hingga hari ini. Ilustrasi Rajah 5 (ii) menunjukkan tangan figura sedang memegang objek yang sukar dikenal pasti. Lebih menarik, lukisan imej manusia ini menunjukkan jantina lelaki berdasarkan anggota alat kelamin yang ditonjolkan dalam imej tersebut.



(i) Lukisan gua



(ii) Ilustrasi imej

### Rajah 6 Imej *anthropomorphic*

Rajah 6 (i) menunjukkan figura dalam posisi tangan dan kaki terbuka. Di kepala figura dihiasi dengan tiga garisan yang menunjukkan hiasan pakaian pada figura ketika itu. Figura ini dalam posisi berdiri dengan tangan ke atas dan kaki terbuka. Ilustrasi Rajah 6 (ii) menunjukkan figura dihasilkan dengan kaki yang tidak lengkap. Imej ini dipercayai sebagai representasi kepada *shaman* lelaki berdasarkan bahagian kelamin yang ditonjolkan pada imej.



(i) Lukisan gua



(ii) Ilustrasi imej

### Rajah 7 Imej *anthropomorphic*

Rajah 7 (i) menunjukkan figura tanpa hiasan di kepala. Kedudukan tangan yang statik digambarkan sedang memegang dua objek pada kedua-dua belah tangan. Imej figura digambarkan lengkap dengan anggota tubuh seperti tangan dan kaki yang sempurna. Ilustrasi Rajah 7 (ii) menampilkan imej figura berbentuk manusia yang dipersembahkan dengan posisi gaya statik. Anggota tangan dan kaki figura dihasilkan dengan bentuk yang unik dan dihiasi seperti memegang tombak yang panjang dan objek yang tidak dikenal pasti.



(i) Lukisan gua



(i) Ilustrasi imej

### Rajah 8 Imej *anthropomorphic*

Gambaran dalam Rajah 8 (i) adalah sebuah imej figura mempunyai hiasan kepala berbentuk garisan runcing dan kedudukan tangan dengan terbuka. Imej figura ini dihasilkan dengan anggota tubuh yang sempurna. Interpretasi terhadap imej figura dengan posisi tangan dan kaki terbuka adalah representasi kepada perlakuan pemujaan. Imej digambarkan seperti kedudukan tersebut membawa maksud sedang berdoa. Kepercayaan awal masyarakat ketika itu terhadap kuasa alam dan sekitarnya adalah bukti yang jelas bahawa mereka sudah mempunyai satu sistem kepercayaan.



### Rajah 9 Ilustrasi *shaman*

Ilustrasi pada Rajah 9 (i) dan Rajah 9 (ii) adalah gambaran kepada perincian fizikal terhadap imej pada lukisan. Aspek visualisasi dan hasil temu bual bersama penduduk tempatan disekitar gua telah memberi gambaran dan cerminan terhadap

corak kehidupan masyarakat prasejarah ketika itu. Lakaran ini adalah usaha awal dalam memahami konsep dan amalan kepercayaan masyarakat prasejarah.

Daripada keseluruhan dinding gua, terdapat satu imej manusia dibentuk lebih besar dan dilukis dengan garis kasar. Imej ini sepenuhnya berwarna merah dan dilukis sedang berpakaian sambil memegang sebatang tongkat yang dililit pada tangannya. Menurut Mohd Sherman bin Sauffi (temu bual, 16-17 Oktober 2019), motif ini merujuk kepada topeng muka seorang *shaman* yang mengetuai upacara pengebumian masyarakat prasejarah ketika itu. Jelas sekali figura sedang menari adalah seorang manusia menurut beliau. Imej figura manusia terdiri daripada jenis *strokes* seperti garisan menegak, untuk batang badan, dan bentuk garisan untuk empat anggota badan dan satu bulatan untuk kepala. Figura manusia itu dilukis dengan bentuk bulatan untuk mewakili setiap kepala.



**Rajah 10** Ilustrasi *shaman*

Beberapa gua di sekitar kompleks Gua Niah telah dihuni manusia sejak puluhan ribuan tahun lagi. Berdasarkan laporan Barbara Harrisson (1964) terhadap Sejarah Geomorfologi, kawasan gua ini telah terdedah sejak Period Glasier Akhir lagi. Perkara ini telah dibuktikan oleh aktiviti cari gali yang telah dijalankan ke atas *West Mouth*. Pendapat Lord Medway (1963) berdasarkan pentarikhkan Karbon 14,

menjelaskan bahawa beliau menemui lapisan tanah seusia dengan Period Pertama Glasier Akhir. Lapisan tanah gua mengalami penggunaan manusia ditemui pada kedalaman hingga sejauh 11.7 cm dari artifak sebagai contoh untuk pentarikan Karbon 14. Usaha ini telah membuktikan bahawa lapisan yang terbawah menunjukkan usianya lebih tua. Lapisan lantainya dianggarkan berusia 60,000 tahun, dan ia seusia dengan Period Glasier Akhir. Bukti ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat prasejarah ketika itu sudah lama menghuni sekitar gua dan beradaptasi selama puluhan ribu tahun. Akhirnya, mereka mempunyai gaya hidup yang tersendiri dan mengamalkan cara hidup tersebut sehingga Zaman Neolitik.

## KESIMPULAN

Penulisan penyelidik ini adalah berdasarkan pemahaman dan juga bukti daripada penyelidikan lepas yang menyokong hujah penyelidik. Penyelidikan ini mendapati bahawa sesebuah karya hasil seni itu adalah terbuka untuk penghayatan dan kritikan. Sudah pasti terdapat pihak yang mentafsirkannya berbeza dengan pemahaman penyelidik. Bagaimanapun, perbezaan tersebut adalah sesuatu penerokaan ilmu yang dapat membina pengetahuan dan penghayatan dalam bidang seni lukis.

Selain itu, karya seni lukis itu mungkin dihayati secara berbeza oleh penghayat seni lukis berdasarkan ruang dan masa. Oleh itu, pelukis dan karya seni adalah suatu yang subjektif kerana menjemput pelbagai pemahaman, tafsiran dan makna. Apa yang dibicarakan oleh penyelidik adalah tafsiran penghayat seni terhadap keindahan dalam sebuah karya seni yang dihasilkan oleh masyarakat purba. Jelasnya, alam semula jadi merupakan sumber keperluan dan menjadi inspirasi dalam kehidupan seharian masyarakat purba ketika itu.

Faktor hubungan mereka dengan alam amat sebat, maka segalanya dalam kehidupan masyarakat purba merujuk kembali kepada alam. Kepercayaan terhadap alam sekeliling telah mempengaruhi cara hidup dan kebudayaan mereka. Bagi mereka, alam semula jadi merupakan punca segala-galanya dan kepada unsur alam jugalah mereka meluahkan ekspresi kreatif mereka, iaitu pada dinding gua. Sesungguhnya, dalam menghasilkan sesuatu hasil karya seni, setiap individu akan melalui proses kreatif, sama ada proses kreatif secara disedari atau tidak, proses kreatif tetap berlaku dan beroperasi dalam minda bawah sedar kita.

Begitu juga penemuan imej lukisan gua yang dihasilkan oleh masyarakat prasejarah di Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) Niah dalam pelbagai bentuk dan saiz. Setelah ribuan tahun berlalu, keunikan lukisan gua di tapak ini bukan

hanya membantu kita untuk memahami sosiobudaya masyarakat purba, malahan ia kini menjadi ikon penting yang membawa makna dan pengetahuan kepada masyarakat hari ini.

## PENGHARGAAN

Penulis telah menerima dana daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam skim geran penyelidikan UMSGreat (Nombor Projek: GUG0216-1 / 2018) dan tajaan Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) untuk pengajian Ijazah Doktor Falsafah. Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada Unit Perancang Negeri (SPU), Jabatan Ketua Menteri (Rujukan: (40) JKM / SPU / 608-8 / 2 /1 VOL.2) kerana memberi kebenaran untuk menjalankan penyelidikan di Sarawak. Penghargaan buat Encik Mohd. Sherman bin Sauffi sebagai Kurator, Jabatan Arkeologi, Jabatan Muzium Sarawak kerana telah bertindak sebagai penyelia di tapak penyelidikan dan juga ucapan terima kasih kepada semua kakitangan Muzium Sarawak atas kerjasama yang sangat baik dalam menyediakan maklumat dari koleksi arkib dalam penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Barbara Harrisson. (1964). Archeology Borneo: Recent archeological discoveries in Malaysia 1962–1963. *Borneo. JMBRAS*, XXXVII, Part 2. November 1964, 192–206.
- Harrisson T. & Medway, (1962). The Zooarchaeology of Carnivore in Borneo, with a proposal for continuing collection. *Raffles Bulletin of Zoology Supplement*, 33.
- Lord Medway. (1963). Niah cave animal bone VI: New records. *Sarawak Museum Journal*, 11 (New Series, 21–22), 188–191. Sarawak: Sarawak Museum Department.
- Syakila Yaacob. (1990). *Arkeologi Prasejarah: Satu Pengenalan Ringkas*. Terjemahan *Prehistoric Archaeology: A Brief Introduction*. Dlm. Frank Hole & Robert F. Heizer. (1977). Holt, Rinehart and Winston Inc. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tom Harrisson. (June, 1957.) The Great Cave of Niah: A preliminary report on Bornean prehistory. *The Sarawak Museum Journal*, VII, (9).

## Temu Bual

Mohd Sherman bin Sauffi. 45 Tahun. Penolong Kurator, Seksyen Arkeologi, Jabatan Muzium Sarawak, Niah, Miri, Sarawak. 16-17 Oktober 2019.

